

Program Wisdom Wednesday UiTM bantu pelajar teroka ilmu berkaitan AI

Oleh [Ercy Gracella Ajos](mailto:ercy.gracella@bh.com.my) - September 1, 2024 @ 7:58am
ercy.gracella@bh.com.my



Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Universiti Teknologi MARA (UiTM) menyediakan aktiviti Wisdom Wednesday sebagai satu daripada pendekatan bagi pelajar terutamanya mereka yang di luar bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) untuk mendalami ilmu itu melalui kursus digital dan berunsurkan kecerdasan buatan (AI).

Wisdom Wednesday adalah satu hari yang dipilih di setiap minggu perkuliahan dalam sesuatu semester pengajian bagi pelajar untuk mendaftar kursus, menghadiri kuliah dan melakukan aktiviti yang di luar bidang program akademik yang diambil.

Pengarah Pembangunan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Madya Dr Suriyani Ariffin, berkata pendekatan itu bertujuan memupuk kreativiti, perasaan ingin tahu dan pemikiran kritikal dalam kalangan pelajar.

Katanya, ia bagi membangunkan pelbagai kefahaman pengetahuan untuk mempromosikan kebolehan penyesuaian (adaptability) dan daya tahan (resilience) pelajar melalui kursus elektif luar bidang yang ditawarkan oleh fakulti dan kampus.

"Sebagai contoh, pelajar jurusan Seni Kreatif mempelajari kursus Pembuatan AI untuk mereka bentuk sesuatu produk.

"Selain itu, pelajar perniagaan pula diajar bagaimana menggunakan teknologi data analitik dalam menganalisa peluang dan kajian pemasaran," katanya kepada BH.

Semalam BH melaporkan, semua universiti di negara ini diminta turut mengembangkan kursus digital dan AI kepada pelajar di luar jurusan STEM seperti jurusan sastera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan berkata ia bagi menangani isu kekurangan jurutera dalam bidang berkenaan untuk memenuhi keperluan industri susulan pelaburan beberapa syarikat teknologi gergasi antaranya Amazon, Google, Microsoft dan Infineon.

Kursus Wisdom adalah senarai kursus elektif multidisiplin yang dikenalpasti oleh fakulti atau kampus untuk ditawarkan kepada semua pelajar dari pelbagai program akademik dan telah diluluskan sebagai kursus Wisdom mengikut syarat-syarat tertentu.

Pelajar yang terbabit dengan kursus ini adalah pelajar Sarjana Muda yang mempunyai kursus elektif di dalam pelan pengajiannya digalakkan mendaftar sekurang-kurangnya satu kursus Wisdom sepanjang pengajian mereka.

Kursus ini sudah diperkenalkan sejak 2019.